

Masalah banjir tiada kesudahan

Pihak berkenaan digesa cari jalan penyelesaian jangka panjang

**NUR FARHANA ABDUL
MANAN**

SERDANG - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar digesa mengadakan mesyuarat kecemasan membincangkan masalah banjir di kawasan Serdang dan Seri Kembangan yang didakwa tiada kesudahan sejak puluhan tahun lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seri Kembangan, Ean Yong Hian Wah berkata, pihaknya juga menggesa kementerian itu memberi peruntukan khas membersihkan dan mendalamkan Sungai Kuyoh yang dikatakan menjadi antara faktor banjir berlaku.

Hian Wah berkata, bagaimanapun itu hanyalah langkah boleh diambil bagi mengatasi masalah jangka masa pendek namun pihak berkenaan perlu mencari satu jalan penyelesaian untuk

“Bencana itu menyebabkan lebih 1,000 penduduk terjejas dan alami kerugian mencecah jutaan ringgit.”

Hian Wah

jangka masa panjang.

Katanya, beliau dimaklumkan sebelum tahun 2007, kerajaan pusat ada memperuntukkan sebanyak RM13 juta untuk projek penempatan banjir termasuk kerja membaiki pulih Sungai Kuyoh.

Bagaimanapun beliau melahirkan rasa kesal kerana belum sampai 10 tahun, projek itu dilihat gagal mengatasi masalah banjir.

Katanya, resolusi untuk jangka masa panjang perlu memandangkan penduduk Seri Serdang dan Serdang Lama sudah lama dibebani



Hian Wah (tiga, kanan) mendengar keluhan penduduk Serdang Lama ketika menghantar bantuan makanan di kawasan itu.

bencana banjir setiap kali hujan.

Jelasnya, beliau mendapati Sungai Kuyoh tidak cukup lebar dan dalam, agensi berkenaan perlu menaiktaraf

sungai mengikut keperluan semasa kerana cuaca sudah berubah.

Beliau juga menafikan masalah sampah seperti didakwa sesetengah pihak yang

menjadi punca berlaku banjir itu.

“Kejadian banjir minggu lalu adalah yang terburuk dalam tempoh 60 tahun semenjak kewujudan Serdang

Lama. Mengikut Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) isipadu air hujan pada hari kejadian lebih tiga kali ganda berbanding daripada hujan biasa.

“Bencana itu menyebabkan lebih 1,000 penduduk terjejas dan mengalami kerugian mencecah jutaan ringgit,” katanya.

Beliau berkata, bagi meringankan beban penduduk Kerajaan Negeri memberi bantuan kewangan setiap rumah terlibat dan akan menaiktaraf sistem perparitan dan membersihkan longkang-longkang di kawasan itu.

Katanya, bagi kawasan di bawah Dun Seri Kembangan pihaknya memperuntukkan sebanyak RM500 bagi setiap rumah.

“Sekarang ini terdapat 40 mangsa yang membuat laporan kepada pusat khidmat kami di Seri Kembangan,” katanya.